




KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA

MODUL PKRS

PROGRAM KONTINUM REHABILITASI STROK





Ilustrasi Muka Hadapan: Neuron

Neuron merupakan komponen utama yang terlibat di dalam penghantaran impuls maklumat di dalam jaringan sistem saraf manusia. Neuron yang aktif mencetus keupayaan neuroplastisiti yang penting untuk pemulihan selepas

MODUL PROGRAM KONTINUM REHABILITASI STROK (PKRS)

eISBN 978-967-0509-20-4

MOH/P/TKPK(P)/02.23(HB)-e

Diterbitkan oleh:

**Kementerian Kesihatan Malaysia
Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Aras 7, Blok E1, Parcel E
Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590, Putrajaya
Tel: +603-88831034
Website: www.moh.gov.my**

Disediakan oleh:

**Bahagian Perkembangan Perubatan
Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu
Bahagian Kejururawatan
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Terbitan pertama 2023

© HAK CIPTA TERPELIHARA

Tidak dibenarkan menyiar dan mengagihkan kandungan e-buku ini tanpa kebenaran pemilik karya dan pemilik hak penerbitan.

e ISBN 978-629-98220-0-4



ISI KANDUNGAN

KATA PENGANTAR	5
JAWATANKUASA INDUK	8
AHLI JAWATANKUASA TEKNIKAL DAN EDITORIAL	9
PANEL PENILAI MODUL DAN PENGHARGAAN	12
RINGKASAN EKSEKUTIF PROGRAM KONTINUM REHABILITASI STROK	13
OBJEKTIF PROGRAM KONTINUM REHABILITASI STROK	14
PELAKSANAAN PROGRAM KONTINUM REHABILITASI STROK	15
TADBIR URUS PROGRAM KONTINUM REHABILITASI STROK	16
KRITERIA RUJUKAN DAN DISCAJ	17
AHLI PASUKAN PERUBATAN REHABILITASI DAN AHLI PASUKAN PKRS	19
CARTA ALIR UTAMA DAN PROSES KERJA	20
ANGGOTA INTERDISIPLINARI	
• PERUBATAN REHABILITASI	23
• KEJURURAWATAN	32
• FISIOTERAPI	59
• TERAPI CARA KERJA	76
• TERAPI PERTUTURAN-BAHASA	97
• DIETETIK	110
• KERJA SOSIAL PERUBATAN	135
• PSIKOLOGI KAUNSELING	166
• PSIKOLOGI KLINIKAL	190
TERMA SINGKATAN - ABREVIASI	204

KATA PENGANTAR

KETUA PENGARAH KESIHATAN

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas penghasilan modul untuk Program Kontinum Rehabilitasi Strok (PKRS) yang akan dilaksanakan di fasiliti hospital Kementerian Kesihatan Malaysia.

Strok merupakan penyumbang kematian kedua terbesar dan penyumbang kematian dan ketidakupayaan ketiga terbesar di serata dunia. Data dari *Global Burden of 369 Diseases and Injuries In 204 Countries and Territories, 1990–2019 (GBD 2019)* menunjukkan peningkatan bilangan individu yang mengalami strok di seluruh dunia. Analisis data yang sama turut mendapati strok merupakan penyumbang kedua terbesar untuk kematian dan ketidakupayaan (*death and disability combined*) di Malaysia.



Melihatkan kepada peningkatan kes strok dan impak strok yang besar, Kementerian Kesihatan Malaysia aktif dalam usaha menyediakan perkhidmatan rehabilitasi strok yang berkualiti oleh pasukan rehabilitasi yang terlatih. Kebolehcapaian atau akses untuk menerima perkhidmatan rehabilitasi strok yang berkualiti adalah fokus utama Program Kontinum Rehabilitasi Strok.

Inisiatif pelaksanaan Program Kontinum Rehabilitasi Strok ini turut menepati objektif Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*World Health Organization-WHO*) yang mendukung aspirasi '*Rehabilitation 2030: A Call for Action*' dan Pertubuhan Strok Sedunia (*World Stroke Organization-WSO*) yang menekankan pemberian perkhidmatan rawatan rehabilitasi sebagai salah satu keperluan penting bagi individu yang mendapat strok.

Saya menyokong penuh pelaksanaan Program Kontinum Rehabilitasi Strok yang dilihat akan meningkatkan kualiti perkhidmatan rehabilitasi strok serta memacu keseluruhan perkhidmatan strok di Malaysia ke arah tahap perkhidmatan yang lebih efisien dan bermutu tinggi.


TAN SRI DATO' SERI DR NOOR HISHAM BIN ABDULLAH

Ketua Pengarah Kesihatan

Kementerian Kesihatan Malaysia

KATA PENGANTAR

TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (PERUBATAN)

Pertubuhan Strok Sedunia (*World Stroke Organization - WSO*) telah membuat unjuran di mana 1 di antara 4 individu berisiko mengalami strok sepanjang hayat mereka. Ini merupakan satu petanda bahawa peningkatan kes strok bakal berlaku di seluruh dunia. Dianggarkan prevalens strok adalah 70 juta individu pada tahun 2030. Peningkatan ini akan lebih ketara di negara yang sedang membangun seperti Malaysia.

Sungguhpun peningkatan di dalam kualiti perkhidmatan strok akut di Malaysia amat memberangsangkan, masih terdapat ramai individu yang mengalami pelbagai tahap ketidakupayaan selepas strok. Ini secara langsung menyebabkan terdapat keperluan tinggi untuk rehabilitasi selepas strok.



Pelaksanaan Program Kontinum Rehabilitasi Strok adalah satu inisiatif penting dengan matlamat untuk meningkatkan akses kepada rehabilitasi strok dan memastikan individu yang mengalami strok menerima rawatan khusus dan intervensi rehabilitasi yang bermutu tinggi, menyeluruh serta bersepadu di semua peringkat perawatan.

Matlamat ini juga turut sejajar dengan '*Strategic Framework of the Medical Programme, Ministry of Health 2021-2025*' yang memberi fokus ke atas pemerkasaan perkhidmatan perubatan dengan meningkatkan akses dan kualiti penjagaan individu yang mengalami strok dengan turut memberi fokus spesifik kepada fasa pemulihan selepas strok.

Saya yakin pelaksanaan Program Kontinum Rehabilitasi Strok bakal membuahkan hasil yang positif dan memberi manfaat kepada semua individu yang terkesan akibat penyakit strok.



DATO' DR. ASMAYANI BINTI KHALIB

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

PRAKATA

PENGERUSI PELAKSANAAN PROGRAM KONTINUM REHABILITASI STROK (PKRS)

Syabas diucapkan di atas Bahagian Perkembangan Perubatan, Bahagian Sains Kesihatan Sekutu dan Kejururawatan di atas kejayaan penerbitan Modul Program Kontinum Rehabilitasi Strok (PKRS) peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia. Modul ini bakal menjadi panduan dan rujukan oleh anggota yang terlibat di dalam pelaksanaan PKRS di fasiliti hospital Kementerian Kesihatan Malaysia.



Kita sedia maklum bahawa ketidakupayaan akibat strok adalah kompleks dan melibatkan pelbagai aspek termasuk fizikal, kognitif, sosial dan aspek emosi. Ini meningkatkan beban penyakit dan mewujudkan keperluan yang tinggi untuk perkhidmatan rehabilitasi strok bagi mengurangkan komplikasi awal dan meningkatkan tahap kefungsi seseorang individu yang mengalami strok.

Tidak dapat dinafikan bahawa kerjasama yang padu di antara pasukan interdisplinari rehabilitasi strok yang terlatih serta gabungan kemahiran dalam bidang perubatan, kesihatan bersekutu dan kejururawatan adalah faktor utama dalam memastikan pesakit menerima manfaat yang sebaiknya dari perkhidmatan rehabilitasi strok. Besar harapan saya agar, modul yang digubal ini akan menjadi pemangkin dalam merealisasikan pemberian perkhidmatan rehabilitasi strok yang teratur, lancar, menyeluruh dan berkualiti untuk semua individu yang mengalami strok.

Sekalung penghargaan kepada Timbalan Pengerusi Jawatan Kuasa Induk PKRS, Dr. Rosanida Anang dan semua ahli jawatankuasa Induk, Teknikal serta Editorial yang telah bertungkus-lumus dan berkongsi buah fikiran dalam menjayakan perancangan pelaksanaan PKRS. Semoga modul pelaksanaan PKRS ini mampu menjadi pencetus usaha untuk meningkatkan akses dan meninggikan mutu perkhidmatan rehabilitasi strok di seluruh negara.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Yusniza'.

DR. YUSNIZA MOHD YUSOF

Ketua Perkhidmatan Perubatan Rehabilitasi, Kementerian Kesihatan Malaysia
selaku Pengerusi AJK Pelaksanaan Program Kontinum Rehabilitasi Strok

JAWATANKUASA INDUK
PELAKSANAAN PROGRAM KONTINUM REHABILITASI STROK (PKRS)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PENGERUSI

Dr. Yusniza binti Mohd Yusof
Pakar Perunding Kanan Perubatan Rehabilitasi &
Ketua Jabatan Perubatan Rehabilitasi
Hospital Rehabilitasi Cheras
Selaku Ketua Perkhidmatan Perubatan Rehabilitasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

TIMBALAN PENGERUSI

Dr. Rosanida binti Anang
Timbalan Pengarah Seksyen Amalan
Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu
Kementerian Kesihatan Malaysia

SETIAUSAHA I DAN II

Dr. Norhayati binti Hussein
Pakar Perunding Perubatan Rehabilitasi
Unit Rehabilitasi Neurologi
Jabatan Perubatan Rehabilitasi
Hospital Rehabilitasi Cheras

Puan Umi Amira binti Salimin
Penolong Pengarah
Seksyen Amalan
Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu
Kementerian Kesihatan Malaysia

AHLI JAWATANKUASA INDUK

Dr. Khairiah binti Mohd Yatim
Pakar Perunding Perubatan Rehabilitasi
Jabatan Perubatan Rehabilitasi
Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban

Encik Hairul Anuar bin Mat Hussein
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Muhammad Al-Amin bin Safri
Ketua Penolong Pengarah
Unit Perkhidmatan Sokongan Klinikal
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Puan Narry Lwi
Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Kejururawatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Encik Onn bin Mohd Jadi
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu
Kementerian Kesihatan Malaysia

Encik Mohd Azizul bin Nordin
Penolong Pengarah
Bahagian Kejururawatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

AHLI JAWATANKUASA TEKNIKAL
PELAKSANAAN PROGRAM KONTINUM REHABILITASI STROK (PKRS)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dr. Maslina binti Yazid
Pakar Perunding Perubatan Rehabilitasi
Hospital Tuanku Ampuan Rahimah, Klang

Dr. Yusma Asni binti Yusmido
Pakar Perubatan Rehabilitasi
Hospital Tengku Ampuan Afzan,
Kuantan, Pahang

Dr. Nor Aida binti Musa
Pakar Perubatan Rehabilitasi
Hospital Sultanah Nur Zahirah
Kuala Terengganu

Dr. Noriani binti Abu Bakar
Pakar Perubatan Rehabilitasi
Hospital Melaka

Dr. Syahiskandar Sybil Shah
Pakar Perubatan Rehabilitasi
Hospital Queen Elizabeth
Kota Kinabalu, Sabah

Dr. Nor Akmal Shahirah binti Saharin
Pakar Perubatan Rehabilitasi
Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban

Encik Abd Halim bin Haji Jamil
Pegawai Kerja Sosial Perubatan
Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru

Puan Noraini binti Mohd Zahid
Pegawai Kerja Sosial Perubatan
Hospital Kuala Lumpur

Encik Marmi Zailan bin Mian
Pegawai Kerja Sosial Perubatan
Klinik Kesihatan Kuala Lumpur

Cik Nurul Hidayah binti Kamaludin
Pegawai Pemulihan Perubatan (Fisioterapi)
Klinik Kesihatan Presint 18, Putrajaya

Puan Nora binti Hamid
Pegawai Pemulihan Perubatan (Cara Kerja)
Hospital Putrajaya

Dr. Zetty Noreeta binti Mohd Rozali
Pakar Perubatan Rehabilitasi
Hospital Pulau Pinang

Dr. Choong Khim Fen
Pakar Perubatan Rehabilitasi
Hospital Raja Permaisuri Bainun
Ipoh, Perak

Dr. Yew Chung Khian
Pakar Perubatan Rehabilitasi
Hospital Sultanah Bahiyah
Alor Star, Kedah

Dr. Phua Chui Har
Pakar Perubatan Rehabilitasi
Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru

Dr. Daryani binti Darus
Pakar Perubatan Rehabilitasi
Hospital Raja Perempuan Zainab II
Kota Bharu, Kelantan

Dr. Jee Rou Chen
Pakar Perubatan Rehabilitasi
Hospital Sibu, Sarawak

Puan Mumtaz Jehan binti Abdul Rashid
Pegawai Kerja Sosial Perubatan
Hospital Melaka

Puan Nor Aziah binti Md Yusof
Pegawai Kerja Sosial Perubatan
Hospital Rehabilitasi Cheras

Puan Nur Hidayah Ong binti Abdullah
Pegawai Pemulihan Perubatan (Fisioterapi)
Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru

Encik Mustaffa Al-Kausar bin Shafikkullah
Pegawai Pemulihan Perubatan (Fisioterapi)
Hospital Serdang

Puan Nor Nadira binti Ideris Shah
Pegawai Pemulihan Perubatan (Cara Kerja)
Hospital Rehabilitasi Cheras

Puan Suhana Hani binti Bastani
Pegawai Pemulihan Perubatan (Cara Kerja)
Hospital Serdang

Encik Mohamad Farhan Huszaimi bin M.Pajar
Pegawai Psikologi Klinikal
Hospital Kuala Lumpur

Puan Fairus binti Mukhtar
Pegawai Pemulihan Perubatan (Pertuturan)
Hospital Rehabilitasi Cheras

Puan Rohana binti Hussin
Pegawai Dietetik
Hospital Rehabilitasi Cheras

Puan Nurul Ashikin binti Saari
Pegawai Psikologi Kaunseling
Hospital Kuala Lumpur

Puan Narry Lwi
Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Kejururawatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Puan Norasiah binti Mat Yatim
Ketua Jururawat
Hospital Rehabilitasi Cheras

Encik Md Abdul Kadir bin Khamaruddin
Jururawat (TBK)
Hospital Rehabilitasi Cheras

Puan See Geok Lan
Pegawai Psikologi Klinikal
Hospital Rehabilitasi Cheras

Puan Wahida binti Mohd Abdul Wahab
Pegawai Pemulihan Perubatan (Pertuturan)
Hospital Kuala Lumpur

Puan Nurul Haslina binti Mohd Zin
Pegawai Pemulihan Perubatan (Pertuturan)
Hospital Rehabilitasi Cheras

Puan Wan Norizan binti Wan Othman
Pegawai Psikologi Kaunseling
Hospital Rehabilitasi Cheras

Puan Chong Chin Weun
Pegawai Dietetik
Hospital Sultan Ismail

Encik Mohd Azizul bin Nordin
Penolong Pengarah
Bahagian Kejururawatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Puan Yusliza binti Ishak
Ketua Jururawat
Hospital Rehabilitasi Cheras

Cik Farah Alwani binti Shariffuddin
Jururawat
Hospital Rehabilitasi Cheras

AHLI JAWATANKUASA EDITORIAL
MODUL PROGRAM KONTINUM REHABILITASI STROK (PKRS)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dr. Norhayati binti Hussein
Pakar Perunding Perubatan Rehabilitasi
Jabatan Perubatan Rehabilitasi
Hospital Rehabilitasi Cheras

Dr. Daryani binti Darus
Pakar Perubatan Rehabilitasi
Hospital Raja Perempuan Zainab II
Kota Bharu, Kelantan

Dr. Zetty Noreeta binti Mohd Rozali
Pakar Perubatan Rehabilitasi
Hospital Pulau Pinang

Encik Mustaffa Al-Kausar bin Shafikkullah
Pegawai Pemulihan Perubatan (Fisioterapi)
Hospital Serdang

Puan Chong Chin Weun
Pegawai Dietetik
Hospital Sultan Ismail

Puan Wan Norizan binti Wan Othman
Pegawai Psikologi Kaunseling
Hospital Rehabilitasi Cheras

Encik Mohd Azizul bin Nordin
Penolong Pengarah
Bahagian Kejururawatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Khairiah binti Mohd Yatim
Pakar Perunding Perubatan Rehabilitasi
Jabatan Perubatan Rehabilitasi
Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban

Dr. Nor Aida binti Musa
Pakar Perubatan Rehabilitasi
Hospital Sultanah Nur Zahirah
Kuala Terengganu

Puan Mumtaz Jehan binti Abdul Rashid
Pegawai Kerja Sosial Perubatan
Hospital Melaka

Puan Nora binti Hamid
Pegawai Pemulihan Perubatan (Cara Kerja)
Hospital Putrajaya

Puan Nurul Haslina binti Mohd Zin
Pegawai Pemulihan Perubatan (Pertuturan)
Hospital Rehabilitasi Cheras

Puan See Geok Lan
Pegawai Psikologi Klinikal
Hospital Rehabilitasi Cheras

Cik Aina Arrmiza binti Razif
Pegawai Penyelidik (*MyStep*)
Seksyen Amalan
Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu
Kementerian Kesihatan Malaysia

TURUT MENYUMBANG

Encik Mohd Kamaruzaman bin Tajuddin
Pegawai Pemulihan Perubatan Fisioterapi
Klinik Kesihatan Bandar Botanik Klang

Cik Nur Ainna binti Adanan
Pegawai Pemulihan Perubatan Fisioterapi
Hospital Selayang

Puan Nurul Ashikin binti Saari
Pegawai Psikologi Kaunseling
Hospital Kuala Lumpur

Puan Azidah Hanim binti Mohd Yusof
Pegawai Pemulihan Perubatan Cara Kerja
Hospital Selayang

Puan Juliana binti Mohamad Adnan
Jurupulih Perubatan Cara Kerja
Hospital Kuala Lumpur

PANEL PENILAI
MODUL PROGRAM KONTINUM REHABILITASI STROK (PKRS)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)

Dr. Sapiah binti Sapuan
Pakar Perunding Kanan Neurologi
Selaku Ketua Perkhidmatan Neurologi
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Nik Mazlina binti Mohammad
Pakar Perunding Kanan Perubatan Keluarga
Selaku Ketua Perkhidmatan Perubatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

SEKALUNG PENGHARGAAN

Dr. Mohd Azman bin Yacob
Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan

Puan Hajah Farina binti Zulkernain
Pengarah Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu

Puan Devi a/p K Saravana Muthu
Pengarah Bahagian Kejururawatan

Encik Noor Azman bin Abdul Rahman
Setiausaha Bahagian Sumber Manusia

Encik Dhanesh Kumar Danesekaran
Setiausaha Bahagian Kewangan

serta semua individu terlibat yang menjayakan pelaksanaan
Program Kontinum Rehabilitasi Strok (PKRS)
secara langsung atau tidak langsung

PROGRAM KONTINUM REHABILITASI STROK (PKRS)

RINGKASAN EKSEKUTIF

Rehabilitasi strok adalah satu proses pemulihan yang progresif dan dinamik, bagi membantu individu yang mempunyai ketidakupayaan disebabkan strok, untuk mencapai tahap fizikal, kognitif, emosi, dan fungsi sosial yang optima.

Selaras dengan objektif Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*World Health Organization-WHO*) yang mendukung aspirasi '*Rehabilitation 2030: A Call for Action*', penekanan terhadap kebolehcapaian dan akses untuk menerima rawatan rehabilitasi dinilai sebagai salah satu keperluan penting bagi individu yang mendapat strok.

Matlamat utama PKRS adalah untuk meningkatkan akses dan memastikan individu yang mempunyai strok menerima rawatan dan intervensi rehabilitasi yang bermutu tinggi dalam tempoh optimum dan di lokasi yang sesuai; berdasarkan tahap strok yang dialami. PKRS merupakan titik mula untuk mewujudkan keseragaman di dalam pemberian perkhidmatan rehabilitasi strok yang holistik dan melibatkan pelbagai kepakaran interdisiplinari yang terlatih di dalam rehabilitasi strok.

Modul ini diolah sebagai sumber rujukan untuk pelaksanaan PKRS di fasiliti-fasiliti kesihatan agar pesakit strok menerima akses awal dan kualiti perkhidmatan rehabilitasi strok yang tinggi; melalui penyampaian perkhidmatan yang berstruktur dan berkesan.

Pelaksanaan PKRS akan menjadi kesinambungan kepada perkhidmatan hiper-akut strok dan pembentukan Unit Rawatan Strok Akut yang dilaksanakan di fasiliti hospital Kementerian Kesihatan Malaysia. Impak sinergistik kesinambungan PKRS dari fasa akut strok amat penting dalam memastikan penurunan kadar mortaliti dan morbiditi yang berkaitan dengan komplikasi strok. PKRS di fasiliti hospital Kementerian Kesihatan Malaysia turut menjadi medan penghubung dengan pelaksana perawatan strok di peringkat komuniti bagi memastikan kelancaran perawatan strok yang berterusan.

OBJEKTIF PROGRAM KONTINUM REHABILITASI STROK (PKRS)

Terdapat 2 Objektif Utama PKRS seperti di bawah:

Objektif 1: Meningkatkan Akses Untuk Perkhidmatan Rehabilitasi Selepas Strok

Fokus objektif 1 adalah untuk mewujudkan akses dan kebolehcapaian seseorang individu yang mengalami strok untuk menjalani rehabilitasi strok yang lebih intensif, terutama di peringkat awal dalam tempoh yang optimum dan di lokasi yang sesuai, berdasarkan tahap strok yang dialami.

Ia juga menekankan kepentingan penilaian oleh Pakar Perubatan Rehabilitasi dan Pasukan Perubatan Rehabilitasi dalam memastikan proses rujukan dan proses kerja PKRS adalah sistematik dan berjalan lancar.

Objektif 2: Meningkatkan Kualiti Perkhidmatan Rehabilitasi Strok

Fokus objektif 2 adalah untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan rehabilitasi strok dengan mewujudkan keseragaman di dalam perkhidmatan dan pengendalian kes rehabilitasi strok.

Objektif ini juga menekankan keperluan sumber manusia pelbagai profesion yang terlatih dan berkemahiran dalam pengendalian kes strok. Peningkatan kualiti ini turut bergantung kepada peralatan dan aset yang sesuai dan mencukupi untuk menjalankan intervensi yang efektif .

.

PELAKSANAAN PKRS

PKRS merupakan program Perubatan Rehabilitasi yang komprehensif, merangkumi beberapa peringkat iaitu PKRS ARAS 1 DAN PKRS ARAS 2

PKRS ARAS 1 meliputi perkhidmatan pesakit dalam iaitu:

- **Rehabilitasi Awal di Wad Akut**
- **Rehabilitasi Strok Pesakit Dalam**

PKRS ARAS 2 merujuk kepada perkhidmatan pesakit luar iaitu:

- **Rehabilitasi Strok Pesakit Luar**
- **Rawatan Ambulatori/ Rawatan Harian**

Pelaksanaan PKRS adalah secara berperingkat di fasiliti-fasiliti kesihatan terpilih.

TADBIR URUS PKRS

Peringkat Kebangsaan

- Timbalan Pengarah kesihatan (Perubatan) akan bertanggungjawab kepada polisi pelaksanaan PKRS di fasiliti KKM.

Peringkat Negeri

- Pengarah Kesihatan Negeri, Timbalan Kesihatan Negeri (Perubatan), Ketua Perkhidmatan Perubatan Rehabilitasi Negeri, Ketua-Ketua Bidang Kesihatan Bersekutu Negeri, dan Ketua Penyelia Jururawat Negeri berperanan memantau pelaksanaan PKRS di setiap fasiliti yang terlibat.

Peringkat Hospital

- Pengarah Hospital, Ketua Jabatan Perubatan Rehabilitasi dan Ketua Penyelia Jururawat Hospital serta Ketua-ketua Unit Kesihatan Bersekutu Hospital berperanan menyelaras dan melaksanakan aktiviti berkaitan PKRS di setiap hospital yang terlibat.

KRITERIA UTAMA KEMASUKAN DAN DISCAJ PKRS

KRITERIA RUJUKAN UNTUK PKRS ARAS 1

- Rehabilitasi Awal di Wad Akut

Semua pesakit strok akut yang menerima rawatan di hospital KKM. Rujukan hendaklah diberikan kepada Pakar Perubatan Rehabilitasi dalam masa 72 Jam dari tarikh kemasukan untuk intervensi rehabilitasi awal .

- Rehabilitasi Strok Pesakit Dalam

Penilaian berkala oleh Pakar Perubatan Rehabilitasi dan Pasukan Perubatan Rehabilitasi akan menentukan kriteria seperti dibawah. Pesakit yang memenuhi kriteria ini akan dirujuk ke fasiliti yang melaksanakan PKRS pesakit dalam:

- **Kestabilan dari segi perubatan (*Medical Stability*)**
 - Tanda vital adalah stabil dan dibenarkan menjalani rawatan rehabilitasi yang lebih intensif.
 - Mempunyai diagnosis strok yang dikenalpasti samada strok iskemik atau hemoragik.
 - Aspek berkaitan tahap kesihatan dan isu perubatan telah dikenalpasti dan diambil tindakan
 - Keperluan untuk ujian berkaitan strok telah dilakukan / atau perancangan telah dibuat oleh perujuk.
 - Rawatan susulan untuk strok telah dikenalpasti oleh perujuk sebelum pesakit discaj dari perawatan strok akut.
- **Pesakit mempunyai tahap kefungsi minimum untuk menjalani rehabilitasi strok**
- **Pesakit dan/ atau ahli keluarga bersetuju untuk menjalani rehabilitasi strok dan memberi komitmen untuk penglibatan di dalam PKRS.**

KRITERIA RUJUKAN UNTUK PKRS ARAS 2

Pesakit telah dinilai oleh Pakar Perubatan Rehabilitasi dan atau Pasukan Rehabilitasi dan memenuhi kriteria seperti dibawah:

- Keadaan kesihatan adalah sesuai untuk menjalani program ini secara pesakit luar atau rawatan harian.
- Pesakit mempunyai potensi untuk meningkatkan aras kefungsian.
- Pesakit dan/ atau ahli keluarga bersetuju untuk menjalani rehabilitasi strok dan memberi komitmen untuk penglibatan di dalam PKRS.

KRITERIA DISCAJ DARI PKRS


- Pesakit telah mencapai tahap kefungsiian yang optima atau dikenalpasti tidak lagi menunjukkan perubahan kefungsiian melalui perbincangan interdisplinari (*IDR- Interdisciplinary rounds*)
- Pesakit/ ahli keluarga memohon menamatkan intervensi
- Pesakit dirujuk atau berpindah ke hospital atau fasiliti lain
- Pesakit telah menjalani tempoh maksimum PKRS selama 1 tahun

AHLI PASUKAN PERUBATAN REHABILITASI DAN AHLI PASUKAN PKRS

Rawatan Perubatan Rehabilitasi memerlukan pelbagai perkhidmatan seperti yang tersenarai dan setiap ahli pasukan mempunyai tugas dan tanggungjawab tersendiri dalam memberikan perawatan mengikut keperluan pesakit.

- Perubatan Rehabilitasi
- Kejururawatan
- Fisioterapi
- Pemulihan Carakerja
- Pertuturan
- Dietetik
- Perkhidmatan Psikologi (Kaunseling)
- Kerja Sosial Perubatan
- Psikologi Klinikal

**CARTA ALIR RUJUKAN KE PROGRAM KONTINUM REHABILITASI STROK
(PKRS) DI HOSPITAL-HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**



* Rujuk Kriteria Kemasukan Program Kontinum Rehabilitasi Strok(PKRS)

** Rujukan menggunakan format Pekeliling KPK 2/2009: Garispanduan Rujukan dan Pindahkan Pesakit di antara Hospital-Hospital KKM Kementerian Kesihatan Malaysia

PROSES KERJA RUJUKAN KE PKRS

BIL	PROSES KERJA	KATEGORI ANGGOTA	KETERANGAN AKTIVITI	PERALATAN/ BORANG/ RUJUKAN
1.	Kemasukan pesakit strok ke kecemasan	Pakar Kecemasan dan Trauma/ Pegawai Perubatan	Membuat penilaian awal, siasatan yang diperlukan dan rujukan ke jabatan perubatan	
2.	Penilaian, perawatan awal dan stabilisasi pesakit strok	<i>Stroke Team</i> , Pakar Perubatan/Pegawai Perubatan	Membuat konfirmasi diagnosis dan siasatan lain yang diperlukan	
3.	Rujukan kepada Pakar Perubatan Rehabilitasi/ Pegawai Perubatan Rehabilitasi	Pakar Perubatan/ Pegawai Perubatan	Memastikan rujukan kepada Pakar Perubatan Rehabilitasi dibuat dalam tempoh 72 jam selepas kemasukan ke wad agar pesakit strok mendapat intervensi rehabilitasi awal	• Tatacara rujukan antara jabatan • Rujukan Fisioterapi • Rujukan Terapi Cara Kerja • Rujukan SLT • Rujukan JKSP • Rujukan <i>Dietitian</i>
4.	Penilaian berkala untuk menentukan kesesuaian pesakit untuk ke PKRS	Pakar Perubatan Rehabilitasi/ Pegawai Perubatan Rehabilitasi dan Pasukan Perubatan Rehabilitasi	Rujukan dari hospital tanpa Pakar Perubatan Rehabilitasi, adalah kepada Pakar Perubatan Rehabilitasi di hospital yang terdekat atau pakar melawat	
5.	Kemasukan pesakit ke PKRS	Pakar Perubatan Rehabilitasi/ Pegawai Perubatan Rehabilitasi/ Pasukan PKRS	Pegawai perlu menguruskan perpindahan pesakit ke hospital yang melaksanakan PKRS	

RUJUKAN

- Strategic Framework of the Medical Programme Ministry of Health Malaysia (2012/2025) ISBN: 978-967-0509-19-8
- Global Burden Of 369 Diseases and Injuries In 204 Countries and Territories, 1990–2019: A Systematic Analysis for the Global Burden of Disease Study 2019. Lancet 2020; 396: 1204–22
- Rehabilitation In Health Systems: Guide for Action. Geneva: World Health Organization; 2019. Licence: CC BY-NC-SA 3.0 IGO. ISBN 978–92–4-151598–6
- Rehabilitation In Health Systems. Geneva: World Health Organization; 2017. Licence: CC BY-NC-SA 3.0 IGO. ISBN 978-92-4-154997-4
- Stroke: A Global Response is Needed (Johnson et al) Editorial Bulletin of World Health Organization. 2016;94:634-634A.
- World Health Organization (WHO) Rehabilitation 2030: A Call for Action

PERKHIDMATAN PERUBATAN REHABILITASI



01

PENGENALAN & PERANAN

02

KRITERIA RUJUKAN & DISCAJ

03

CARTA ALIR & PROSES KERJA

04

RUJUKAN

05

LAMPIRAN

PENGENALAN

Rehabilitasi strok adalah satu proses pemulihan yang progresif dan dinamik, bagi membantu individu yang mempunyai ketidakupayaan disebabkan strok mencapai tahap fizikal, kognitif, emosi, dan fungsi sosial yang optima.

Perkhidmatan yang berkonsepkan *International Classification of Functioning , Disability and Health (ICF)* akan memberi fokus kepada penilaian dan intervensi rehabilitasi awal bermatlamatkan pencapaian kefunksiaan optima yang bersesuaian dengan keseriusan strok. Rawatan rehabilitasi akan meningkatkan potensi neuroplastisiti dan mencegah komplikasi selepas strok dan strok berulang

PERANAN

Pakar Perubatan Rehabilitasi:

- Menyelaras program PKRS bagi memastikan kelangsungan program rehabilitasi bagi mencapai matlamat yang ditetapkan
- Menjalankan penilaian rehabilitasi awal terhadap pesakit bagi mengenalpasti tahap kestabilan perubatan, fungsi kognitif, fizikal dan sosial pesakit strok
- Memberi perawatan perubatan termasuk pencegahan sekunder strok dan komplikasi seperti *spasticity, dysphagia, post stroke pain, post stroke seizures, post stroke depression, aspiration pneumonia, deep vein thrombosis, pressure ulcer, bowel and bladder issues* dan lain-lain komplikasi berkaitan strok.
- Memberi prognosis kadar untuk pulih (*prognostication of recovery*) dan menentukan kesesuaian menjalani rehabilitasi strok
- Memastikan pesakit dan keluarga menerima pendidikan tentang cara penjagaan dan pengendalian pesakit strok serta mengenalpasti komplikasi strok
- Berperanan sebagai perujuk kepada kepakaran lain atau agensi yang bersesuaian berdasarkan keperluan pesakit

KRITERIA RUJUKAN DAN DISCAJ

Rujuk Kriteria Utama Kemasukan dan Discaj PKRS

PROSES KERJA PENILAIAN DAN PEMBERIAN RAWATAN REHABILITASI STROK

BIL	PROSES KERJA	KATEGORI ANGGOTA	KETERANGAN AKTIVITI	PERALATAN/ BORANG/ RUJUKAN
Hospital dengan Program Kontinum Rehabilitasi Strok (PKRS)				
1.	Mengambil sejarah pesakit dengan terperinci, pemeriksaan klinikal dan penilaian	Pakar Perubatan rehabilitasi/ Pegawai Perubatan Rehabilitasi/	Pakar Perubatan Rehabilitasi / Pegawai Perubatan menjalankan pemeriksaan neurologikal dan sistem organ yang berkaitan dan menjalankan ujian saringan untuk mengenalpasti kategori strok dan tahap kefungsiannya, kebolehan penelanan, emosi, spastisiti, kognitif dan lain-lain kesan akibat strok	• NIHSS-National Institutes Of Health Stroke Scale • MRS- Modified Rankin Scale • SSA- Standardized swallowing ass • Mini-Mental State Examination • Montreal Cognitive Screening (moCA) • Patient Health Questionnaire-9 (PHQ-9) • MAS- Modified Asthworth Scale • Tardieu Scale
2.	Menjalankan IDR mingguan	Pakar Perubatan Rehabilitasi/ Pegawai Perubatan Rehabilitasi/ Pasukan PKRS	IDR diketuai oleh Pakar Perubatan Rehabilitasi bagi menetapkan matlamat program dan memantau pemulihan pesakit	Dokumentasi dalam borang/ rekod IDR
3.	Pendidikan pesakit	Pakar Perubatan Rehabilitasi/ Pegawai Perubatan Rehabilitasi	Memastikan pendidikan pesakit berkenaan strok dijalankan	Risalah pendidikan
4.	Penilaian impak program rehabilitasi	Pakar Perubatan Rehabilitasi/ Pegawai Perubatan Rehabilitasi/ Pasukan PKRS	Penilaian impak program dibuat sebelum pesakit discaj. Pesakit akan diberi temujanji sebagai pesakit luar untuk sesi terapi dan rawatan susulan di Klinik Pakar Perubatan Rehabilitasi	Impak Program berdasarkan: • <i>Absolute Functional Gain</i> • <i>Rehabilitation Efficiency Index</i> • <i>Rehabilitation Effectiveness</i>

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1- National Institute of Health Stroke Scale (NIHSS)


Lampiran 2- Modified Rankin scale (mRS)

Lampiran 3-Mini Mental State Examination (MMSE)

Lampiran 4- Montreal Cognitive Assessment (MoCA)

Lampiran 5 – Patient Health Questionnaire- 9- PHQ9

NATIONAL INSTITUTE OF HEALTH STROKE SCALE (NIHSS)	
1a—Level of consciousness	0 = Alert; keenly responsive 1 = Not alert, but arousable by minor stimulation 2 = Not alert; requires repeated stimulation 3 = Unresponsive or responds only with reflex
1b—Level of consciousness questions: What is your age? What is the month?	0 = Answers two questions correctly 1 = Answers one question correctly 2 = Answers neither questions correctly
1c—Level of consciousness commands: Open and close your eyes Grip and release your hand	0 = Performs both tasks correctly 1 = Performs one task correctly 2 = Performs neither task correctly
2—Best gaze	0 = Normal 1 = Partial gaze palsy 2 = Forced deviation
3—Visual	0 = No visual lost 1 = Partial hemianopia 2 = Complete hemianopia 3 = Bilateral hemianopia
4—Facial palsy	0 = Normal symmetric movements 1 = Minor paralysis 2 = Partial paralysis 3 = Complete paralysis of one or both sides
5—Motor arm Left arm Right arm	0 = No drift 1 = Drift 2 = Some effort against gravity 3 = No effort against gravity 4 = No movement
6—Motor leg Left leg Right leg	0 = No drift 1 = Drift 2 = Some effort against gravity 3 = No effort against gravity 4 = No movement
7—Limb ataxia	0 = Absent 1 = Present in one limb 2 = Present in two limbs
8—Sensory	0 = Normal; no sensory loss 1 = Mild-to-moderate sensory loss 2 = Severe-to-total sensory loss
9—Best language	0 = No aphasia; normal 1 = Mild-to-moderate aphasia 2 = Severe aphasia 3 = Mute; global aphasia
10—Dysarthria	0 = Normal 1 = Mild-to-moderate dysarthria 2 = Severe dysarthria
11—Extinction and inattention	0 = No abnormality 1 = Visual, tactile, auditory, spatial, or personal inattention 2 = Profound hemi-inattention or extinction
Score = 0–42	









Mini-Mental State Examination (MMSE)

Patient's Name: _____

Date: _____

Instructions: Score one point for each correct response within each question or activity.

Maximum Score	Patient's Score	Questions
5		"What is the year? Season? Date? Day? Month?"
5		"Where are we now? State? County? Town/city? Hospital? Floor?"
3		The examiner names three unrelated objects clearly and slowly, then the instructor asks the patient to name all three of them. The patient's response is used for scoring. The examiner repeats them until patient learns all of them, if possible.
5		"I would like you to count backward from 100 by sevens." (93, 86, 79, 72, 65, ...) Alternative: "Spell WORLD backwards." (D-L-R-O-W)
3		"Earlier I told you the names of three things. Can you tell me what those were?"
2		Show the patient two simple objects, such as a wristwatch and a pencil, and ask the patient to name them.
1		"Repeat the phrase: 'No ifs, ands, or buts.'"
3		"Take the paper in your right hand, fold it in half, and put it on the floor." (The examiner gives the patient a piece of blank paper.)
1		"Please read this and do what it says." (Written instruction is "Close your eyes.")
1		"Make up and write a sentence about anything." (This sentence must contain a noun and a verb.)
1		"Please copy this picture." (The examiner gives the patient a blank piece of paper and asks him/her to draw the symbol below. All 10 angles must be present and two must intersect.) 
30		TOTAL

MONTREAL COGNITIVE ASSESSMENT (MOCA) Version 7.1 Original Version						NAME : Education : Sex :	Date of birth : DATE :																								
VISUOSPATIAL / EXECUTIVE						  Copy cube																									
Draw CLOCK (Ten past eleven) (3 points) POINTS						[] []																									
NAMING						 []  []  []																									
MEMORY						<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th></th> <th>FACE</th> <th>VELVET</th> <th>CHURCH</th> <th>DAISY</th> <th>RED</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1st trial</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>2nd trial</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> </tbody> </table>			FACE	VELVET	CHURCH	DAISY	RED	1st trial						2nd trial											
	FACE	VELVET	CHURCH	DAISY	RED																										
1st trial																															
2nd trial																															
Read list of words, subject must repeat them. Do 2 trials, even if 1st trial is successful. Do a recall after 5 minutes.						No points																									
ATTENTION						Read list of digits (1 digit/ sec.). Subject has to repeat them in the forward order [] 2 1 8 5 4 Subject has to repeat them in the backward order [] 7 4 2																									
Read list of letters. The subject must tap with his hand at each letter A. No points if ≥ 2 errors [] FBACMNAAJKLBAFAKDEAAAJAMOF AAB						___/1																									
Serial 7 subtraction starting at 100 [] 93 [] 86 [] 79 [] 72 [] 65 4 or 5 correct subtractions: 3 pts , 2 or 3 correct: 2 pts , 1 correct: 1 pt , 0 correct: 0 pt						___/3																									
LANGUAGE						Repeat : I only know that John is the one to help today. [] The cat always hid under the couch when dogs were in the room. []																									
Fluency / Name maximum number of words in one minute that begin with the letter F [] ____ (N ≥ 11 words)						___/1																									
ABSTRACTION						Similarity between e.g. banana - orange = fruit [] train - bicycle [] watch - ruler																									
DELAYED RECALL						<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th></th> <th>FACE</th> <th>VELVET</th> <th>CHURCH</th> <th>DAISY</th> <th>RED</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Has to recall words WITH NO CUE</td> <td>[]</td> <td>[]</td> <td>[]</td> <td>[]</td> <td>[]</td> </tr> <tr> <td>Category cue</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Multiple choice cue</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> </tbody> </table>			FACE	VELVET	CHURCH	DAISY	RED	Has to recall words WITH NO CUE	[]	[]	[]	[]	[]	Category cue						Multiple choice cue					
	FACE	VELVET	CHURCH	DAISY	RED																										
Has to recall words WITH NO CUE	[]	[]	[]	[]	[]																										
Category cue																															
Multiple choice cue																															
Points for UNCUED recall only						___/5																									
Optional																															
ORIENTATION						[] Date [] Month [] Year [] Day [] Place [] City																									
© Z.Nasreddine MD www.mocatest.org Normal ≥ 26 / 30						TOTAL ___/30 Add 1 point if ≤ 12 yr edu																									

PHQ9P

PATIENT HEALTH QUESTIONNAIRE - 9								
Comments:								
Over the last 2 weeks, how often have you been bothered by any of the following problems?	Not at all	Several days	More than half the days	Nearly every day				
1. Little interest or pleasure in doing things	0	1	2	3				
2. Feeling down, depressed, or hopeless	0	1	2	3				
3. Trouble falling or staying asleep, or sleeping too much	0	1	2	3				
4. Feeling tired or having little energy	0	1	2	3				
5. Poor appetite or overeating	0	1	2	3				
6. Feeling bad about yourself — or that you are a failure or have let yourself or your family down	0	1	2	3				
7. Trouble concentrating on things, such as reading the newspaper or watching television	0	1	2	3				
8. Moving or speaking so slowly that other people could have noticed? Or the opposite — being so fidgety or restless that you have been moving around a lot more than usual	0	1	2	3				
9. Thoughts that you would be better off dead or of hurting yourself in some way	0	1	2	3				
		0 + _____ + _____ + _____ = Total Score: _____						
If you checked off <u>any</u> problems, how difficult have these problems made it for you to do your work, take care of things at home, or get along with other people?								
<table border="0" style="width: 100%;"> <tr> <td style="text-align: center;">Not difficult at all ☐</td> <td style="text-align: center;">Somewhat difficult ☐</td> <td style="text-align: center;">Very difficult ☐</td> <td style="text-align: center;">Extremely difficult ☐</td> </tr> </table>					Not difficult at all ☐	Somewhat difficult ☐	Very difficult ☐	Extremely difficult ☐
Not difficult at all ☐	Somewhat difficult ☐	Very difficult ☐	Extremely difficult ☐					
Developed by Drs. Robert L. Spitzer, Janet B. W. Williams, Kurt Kroenke and colleagues, with an educational grant from Pfizer Inc. Copyright © Pfizer Inc. All rights reserved. Reproduced with permission. EP0001 PHQ9P								
Patient's name:			Date:					

PERKHIDMATAN KEJURURAWATAN



- 01 PENGENALAN & PERANAN
- 02 KRITERIA RUJUKAN & DISCAJ
- 03 CARTA ALIR & PROSES KERJA
- 04 RUJUKAN
- 05 LAMPIRAN

PERKHIDMATAN KEJURURAWATAN

PENGENALAN

Strok adalah serangan otak yang terjadi apabila bekalan darah ke otak terganggu. Pesakit akan mengalami pelbagai komplikasi akibat strok. Perawatan kejururawatan adalah penting bagi mengelakkan pesakit mendapat lebih banyak lagi komplikasi dan strok berulang.

PERANAN

Jururawat merupakan individu penting dalam penjagaan pesakit strok sepanjang pesakit berada di wad. Peranan jururawat adalah:

- Memberikan penjagaan kejururawatan yang berkaitan strok.
- Pemberian ubatan
- Membantu dan memantau dalam penjagaan aktiviti pengurusan diri *activity daily living* (ADL) pesakit strok.
- Memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada pesakit atau penjaga dalam penjagaan pesakit strok supaya dapat digunapakai di rumah.


KRITERIA KHUSUS PESAKIT DALAM

- Semua pesakit yang menjalani PKRS

PROSEDUR KEJURURAWATAN BERKAITAN PESAKIT STROK

1. Posisi dan Baringan Pesakit Strok yang mengalami Hemiplegia
2. Penjagaan Bahu Pesakit Strok yang mengalami Hemiplegia
3. Proses Pemindahan Pesakit yang mengalami Hemiplegia
4. Pengendalian Aktiviti Pengurusan Diri *Activity Daily Living* (ADL)
5. Pemberian dan Penjagaan Pesakit dengan Pemakanan Enteral
6. Pemberian Ubat Suppositori Melalui Rektum bagi Pesakit Strok
7. Pencegahan Jatuh dan Langkah Keselamatan di Wad

CARTA ALIR PROSEDUR KEJURURAWATAN PKRS



POSISI DAN BARINGAN PESAKIT STROK

PENGENALAN

Posisi badan dan baringan adalah antara aspek penting dalam penjagaan bagi pesakit strok. Sebagai jururawat yang menjaga, posisi dan baringan pesakit perlu diubah setiap 2 jam sekali bagi mengelakkan berlakunya komplikasi kepada pesakit.

Jenis-jenis posisi dan baringan bagi pesakit strok:

- Baringan *Lateral* (Baringan mengiring untuk anggota yang terjejas/tidak terjejas)
- Baringan *Recumbent*
- Posisi duduk di kerusi/ kerusi roda atau katil

TUJUAN

Posisi dan baringan yang betul bagi pesakit dapat:

- Mencegah kecederaan kepada anggota badan yang terjejas.
- Menyokong segmen badan pesakit.
- Mengelakkan kejadian luka tekanan.
- Mengelakkan pemendekan dan kekakuan otot.

KEPERLUAN

A. Barang keperluan:

- 1-3 biji bantal mengikut jenis posisi dan baringan
- Medium sokongan lain seperti kusyen/ *shoulder support*

B. Borang yang diperlukan:

- *Positioning Chart*
- Borang Intervensi Kejururawatan
- Fail pesakit (*Nursing Narrative Report*)

PROSES KERJA POSISI DAN BARINGAN PESAKIT STROK

BIL	PROSES KERJA	KATEGORI ANGGOTA	KETERANGAN AKTIVITI	PERALATAN/BORANG/ RUJUKAN
1.	Penerangan tentang posisi dan baringan pesakit strok	Jururawat	- Nilai keadaan pesakit. - Beri salam/ucap selamat dan terangkan prosedur kepada pesakit/penjaga	Fail pesakit
2.	Baringan <i>recumbent</i> untuk pesakit strok	Jururawat	- Lapangkan kawasan persekitaran dan kunci roda katil. - Posisikan pesakit ke baringan <i>recumbent</i> dengan 1 biji bantal di kepala pesakit dan 1 biji bantal di bawah tangan pesakit yang lemah (hemiplegia)	2 biji bantal
3.	Posisi <i>lateral</i> untuk pesakit strok	Jururawat	- Lapangkan kawasan persekitaran dan kunci roda katil. - Posisikan pesakit ke baringan <i>lateral</i> samada ke kiri atau ke kanan dengan mengikut prinsip berikut: - Tangan yang lemah (hemiplegia) diampu dan tidak ditindih - Kaki yang lemah (hemiplegia) tidak ditindih dengan dan di letakkan dalam posisi yang selesa untuk pesakit. - Letakkan satu bantal di belakang badan pesakit bagi mengekalkan baringan pesakit.	3 biji bantal
4.	Posisi duduk di kerusi/ kerusi roda untuk pesakit strok	Jururawat	- Lapangkan kawasan persekitaran dan kunci roda katil dan kerusi roda. - Pastikan pesakit berada dalam posisi yang selesa dan selamat dan pasang tali pinggang semasa berada di atas kerusi roda. - Ampu tangan pesakit yang lemah (hemiplegia) dengan menggunakan medium sokongan mengikut kaedah yang betul bagi mengelakkan <i>subluxation shoulder</i>.	Medium sokongan bantal / kusyen/ <i>shoulder support</i>
5.	Dokumentasi	Jururawat	Rekodkan di dalam fail pesakit.	Fail pesakit

PENJAGAAN BAHU PESAKIT STROK

PENGENALAN

Penjagaan bahu merupakan elemen penting yang sering dititikberatkan dalam penjagaan pesakit strok. Jururawat yang menjaga perlu mengambil tahu akan kepentingan dan kaedah yang betul dalam penjagaan bahu. Tindakan awal dalam menjaga sendi bahu pesakit dapat mengelakkan pesakit daripada mendapat komplikasi.

TUJUAN

Tujuan penjagaan bahu pesakit strok adalah: -

1. Mengelakkan kejatuhan sendi bahu *shoulder subluxation*.
2. Mengurangkan kesakitan dan kekakuan sendi bahu pesakit.

KEPERLUAN

A. Barang keperluan:

- Risalah penjagaa bahu dan *flip chart*
- *Shoulder support*
- 1-3 biji bantal mengikut keadaan pesakit
- Kain yang digulung seperti tuala/ selimut

B. Borang yang diperlukan:

- Borang Intervensi Kejururawatan
- Fail pesakit (*Nursing Narrative Report*)

PROSES KERJA PENJAGAAN BAHU PESAKIT YANG MENGALAMI HEMIPLEGIA

BIL	PROSES KERJA	KATEGORI ANGGOTA	KETERANGAN AKTIVITI	PERALATAN/BORANG/ RUJUKAN
1.	Penerangan tentang penjagaan bahu	Jururawat	• Nilai keadaan pesakit. • Beri salam/ucap selamat dan terangkan prosedur kepada pesakit/penjaga	Fail pesakit
2.	Memastikan bahu hemiplegia disokong dengan cara yang betul sepertimana dilatih oleh pasukan interdisplinari	Jururawat	• Ampu anggota tangan yang lemah (hemiplegia) dengan menggunakan medium sokongan mengikut kaedah yang betul, bagi mengelak <i>shoulder subluxation</i>. • Pastikan bahu pesakit kelihatan simetri. • Sekiranya pesakit memakai <i>shoulder support</i>, nasihatkan pesakit untuk memakainya semasa pesakit duduk, berdiri atau semasa berpindah sahaja kerana ia dapat mengampu bahu tanpa mengganggu pergerakan tangan tersebut. • Rujuk kepada pelan rawatan oleh pasukan interdisplinari	Medium sokongan bantal / kusyen/ <i>shoulder support</i>
3.	Memberi pendidikan kesihatan	Jururawat	• Beri pendidikan kesihatan kepada pesakit dan penjaga tentang penjagaan bahu • Nasihatkan pesakit untuk tidak membenarkan sesiapa menarik tangannya yang lemah terutama semasa bangun, berjalan atau memakai baju.	Risalah penjagaa bahu dan <i>flip chart</i>
4.	Dokumentasi	Jururawat	Rekodkan di dalam fail pesakit	Fail pesakit

PROSES PEMINDAHAN PESAKIT

PENGENALAN

Proses dan cara pemindahan pesakit strok dari satu tempat ke satu tempat yang lain dengan selamat bagi pesakit sepanjang berada di dalam wad.

Proses ini melibatkan mengangkat dan memindahkan pesakit strok dari:

- Katil ke kerusi / kerusi roda
- Kerusi / kerusi roda ke katil

TUJUAN

Bagi memudahkan pemindahan pesakit strok dari satu tempat ke satu tempat yang lain dengan selamat bagi pesakit strok sepanjang berada di dalam wad.

KEPERLUAN

A. Barang keperluan:

- Kerusi/ kerusi roda
- Risalah pendidikan dan *flip chart*
- Alat bantu seperti *portable hoist*

B. Borang yang diperlukan :

- Borang Intervensi Kejururawatan
- Fail pesakit (*Nursing Narrative Report*)

PROSES KERJA PROSES PEMINDAHAN PESAKIT

BIL	PROSES KERJA	KATEGORI ANGGOTA	KETERANGAN AKTIVITI	PERALATAN/ BORANG/ RUJUKAN
1.	Mengangkat dan memindahkan pesakit strok dari kerusi/kerusi roda ke katil	Jururawat	• Nilai keadaan pesakit • Senyum dan beri salam kepada pesakit dan penjaga. • Beri penerangan kepada pesakit dan penjaga. • Kunci roda katil dan kerusi roda. • Bantu pesakit berdiri dari kerusi / kerusi roda: - Berdiri di depan pesakit. - Arah pesakit letak tangan yang kuat atas bahu perawat. - Perawat memegang belakang seluar pesakit. - Arahkan pesakit untuk berdiri. • Pusingkan dan dudukkan pesakit di tepi katil. • Bantu pesakit baring Selesaikan dan dengar aduan dari pesakit.	Kerusi/ kerusi roda Katil Risalah pendidikan dan <i>flip chart</i> Borang Intervensi Kejururawatan Fail pesakit (<i>Nursing Narrative Report</i>)

2	Mengangkat dan memindahkan pesakit Strok dari Katil Ke Kerusi/kerusi roda / portable hoist	Jururawat	• Nilai keadaan pesakit • Senyum dan beri salam kepada pesakit dan penjaga. • Beri penerangan kepada pesakit dan penjaga. • Kunci roda katil dan sediakan kerusi /kerusi roda. Tinggikan bahagian kepala katil sehingga 45' • Bawa pesakit kesisi katil • Bantu pesakit duduk di tepi katil dengan kaki berjantai. • Berdiri di hadapan pesakit dengan satu kaki perawat berada diantara kaki pesakit. • Arah pesakit letak tangan yang kuat atas bahu perawat • Perawat memegang belakang seluar pesakit. • Berdirikan pesakit dan pusingkan ke arah kerusi roda. • Dudukkan pesakit di atas kerusi/kerusi roda perlahan-lahan. • Selesaikan dan dengar aduan dari pesakit.	Kerusi/kerusi roda/ portable hoist Katil Risalah pendidikan dan <i>flip chart</i> Borang Intervensi Kejururawatan Fail pesakit (<i>Nursing Narrative Report</i>)
---	--	-----------	---	---

PENGENDALIAN AKTIVITI PENGURUSAN DIRI *ACTIVITY DAILY LIVING* (ADL)

PENGENALAN

Pengendalian aktiviti pengurusan diri *Activity daily living* (ADL) adalah komponen utama dalam pengurusan penjagaan pesakit strok. Contoh *Activity Daily Living* (ADL) adalah seperti berhias diri, makan, mandi, berpakaian, ke tandas, bergerak dan berpindah dari satu tempat ke tempat lain.

Jururawat yang menjaga, perlu memainkan peranan memberi bantuan dan menjalankan pengukuhan latihan berkaitan *Activities of Daily Living* (ADL) seperti mana dilatih oleh pasukan interdisiplinari

TUJUAN

Untuk penjagaan diri sendiri dan kebersihan serta keperluan sendiri lain bagi menjalani kehidupan normal seperti sediakala.

Sebagai persediaan sebelum pesakit discaj

KEPERLUAN

A. Barang keperluan:

- Barang keperluan peribadi pesakit seperti baju, seluar, sikat, berus gigi dan lain-lain.

B. Borang yang diperlukan:

- Fail pesakit (*Nursing Narrative Report*)

PROSES KERJA PEMANTAUAN PENGENDALIAN AKTIVITI PENGURUSAN DIRI

BIL	PROSES KERJA	KATEGORI ANGGOTA	KETERANGAN AKTIVITI	PERALATAN/BORANG/ RUJUKAN
1.	Penerangan mengenai pengendalian aktiviti pengurusan diri <i>Activity daily living</i> (ADL)	Jururawat	• Nilai keadaan pesakit. • Beri salam/ucap selamat dan terangkan prosedur kepada pesakit/penjaga	Fail pesakit
2.	Memberi bantuan dan pengukuhan latihan berkaitan <i>Activities of Daily Living</i> (ADL) sepertimana dilatih oleh pasukan interdisplinari.	Jururawat	• Beri bantuan dan pantau pesakit dan penjaga dalam pengurusan diri ADL bagi pengukuhan latihan. • Beri pendidikan kesihatan kepada pesakit dan penjaga tentang keperluan ADL mengikut keadaan semasa pesakit. • Rujuk kepada pelan rawatan oleh pasukan interdisplinari	Barang keperluan peribadi pesakit seperti baju, seluar, sikat, berus gigi dan lain-lain
